

PENGIKTIRAFAN VISI DAN LEGASI: TAN SRI LIM HOCK SAN DINOBAT SEBAGAI TOKOH USAHAWAN HARTANAH CEMERLANG 2025

- *Penghargaan di atas kepimpinan berwawasan dan kecemerlangan keusahawanan yang menyumbang landskap hartanah Malaysia*
-

Kuala Lumpur, 10 November 2025 – Tan Sri Dato’ Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San, (“Tan Sri Lim”), Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Usahawan Hartanah Cemerlang 2025 di majlis The Edge Property Excellence Awards (“TEPEA”) 2025 yang berlangsung di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur.

Pengiktirafan ini mengangkat tokoh-tokoh berwawasan yang telah mencorakkan industri hartanah Malaysia melalui kepimpinan, inovasi dan semangat keusahawanan yang luar biasa, sekali gus memacu pertumbuhan lestari dan nilai jangka panjang.

Di bawah kepimpinan strategik Tan Sri Lim, LBS telah berkembang daripada sebuah perniagaan pembinaan sederhana kepada salah sebuah pemaju hartanah terkemuka di Malaysia. Kumpulan kini mempunyai portfolio yang pelbagai merangkumi pembangunan perumahan, komersial serta perbandaran hampir di seluruh negara. Dipacu oleh Strategi 8 x 8, LBS memberi fokus kepada lapan tonggak utama – Perumahan, Perindustrian & Komersial, Pengoptimuman Bank Tanah, Peningkatan Kecemerlangan, Pemerkasaan Pekerja, Pengalaman Pelanggan, Kemajuan Kelestarian, dan Kesejahteraan Komuniti. Kesemua fokus ini secara kolektif mampu memperkukuh misi LBS untuk mewujudkan nilai jangka panjang dan membawa impak yang bermakna kepada semua pihak berkepentingan.

“Sejak meneruskan legasi perniagaan mendiang ayahanda saya, Dato’ Seri Lim Bock Seng, saya berpegang pada prinsip bahawa kejayaan sebenar berakar daripada nilai-nilai yang kukuh serta keupayaan menyesuaikan diri dengan perubahan masa. LBS kini berkembang daripada syarikat sederhana kepada pemaju berwawasan yang berpandukan Strategi 8 x 8, sekali gus membangunkan komuniti yang mendorong kesejahteraan dan kemajuan. Penganugerahan ini mencerminkan usaha gigih seluruh keluarga besar LBS dalam memperkukuh pertumbuhan mampan serta menyumbang kepada kemajuan industri hartanah di Malaysia,” kata Tan Sri Lim.

TEPEA 2025 merupakan pengiktirafan berprestij yang diberikan kepada individu dan organisasi yang menunjukkan kecemerlangan serta sumbangan bermakna kepada industri hartanah negara. Anugerah Tokoh Usahawan Hartanah Cemerlang khususnya menyanjung kepimpinan berwawasan dan keupayaan strategik para usahawan yang telah membawa kejayaan korporat di samping mengangkat martabat sektor pembangunan hartanah Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.

~Tamat~